

**Soalan No: 12**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** TUAN TONY PUA KIAM WEE  
[ PETALING JAYA UTARA ]

**TARIKH :** 22.3.2017

**SOALAN :**

Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebab hanya respons daripada 51% sampel sekolah-sekolah Malaysia diambil-kira bagi tujuan penyelidikan PISA oleh pihak OECD. Adakah Kementerian memilih hanya 51% ini untuk memanipulasi keputusan yang akan dicapai oleh murid-murid sekolah dalam ujian antarabangsa ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Laporan antarabangsa pencapaian PISA 2015 yang diterbitkan oleh *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)* telah menyatakan bahawa:

"Di Malaysia, pentaksiran Programme for International Student Assessment (PISA) telah dilaksanakan dengan mematuhi standard operasi dan garis panduan yang ditetapkan oleh OECD. Walau bagaimanapun, kadar respon setelah diberi pemberatan dalam kalangan sekolah sampel Malaysia (51 peratus) tidak mencukupi bagi memenuhi standard kadar respon PISA pada 85 peratus. Oleh itu,